JUZU' KE-28
SURAH
AS-SAFF

سُورَةُ الصَّفِّ

SURAH AS-SAFF

SURAH KE

61

JUMLAH AYAT

14

Surah Barisan

(Madaniyah)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ ﴿١﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾

كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا
كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُوصٌ ﴿٤﴾

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ يَا قَوْمِ لِمَ تُؤْذُونَنِي وَقَدْ
تَعْلَمُونَ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ ۖ فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاغَ
اللَّهُ قُلُوبَهُمْ ۚ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥﴾

"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi semuanya bertasbih memuji Allah. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(1). Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?(2) Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya(3). Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun teguh(4). Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Mengapakah kamu menyakitiku, sedangkan kamu tahu bahawa aku adalah utusan dari Allah kepada kamu? Dan apabila mereka menyimpang dari jalan yang benar, maka Allah menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq(5).

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ
مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَاةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي
مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدُ ۖ فَلَمَّا جَاءَهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ قَالُوا هَٰذَا
سِحْرٌ مُبِينٌ ﴿٦﴾

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُوَ يُدْعَىٰ إِلَى
الْإِسْلَامِ ۚ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٧﴾

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٨﴾

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى
الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika 'Isa putera Maryam berkata: Wahai Bani Israel! Sesungguhnya aku adalah utusan dari Allah kepada kamu, yang membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumku dan menyampaikan berita gembira tentang kedatangan seorang rasul yang akan datang selepasku, namanya ialah Ahmad. Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: ini adalah suatu sihir yang nyata(6). Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang sanggup membuat dusta terhadap Allah, sedangkan dia diseru kepada agama Islam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim(7). Mereka mahu memadamkan nur (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang kafir(8). Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar supaya Dia menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain walaupun dibencikan para Musyrikin."(9).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَارَةٍ تُنْجِيكُمْ مِنْ عَذَابٍ
أَلِيمٍ ﴿١٠﴾

تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ
وَأَنْفُسِكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّاتِ عَدْنٍ ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٢﴾

وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا ۖ نَصْرٌ مِنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ ۗ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُوٓاْ أَنصَارَ ٱللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَ لِلۡحَوَارِيِّـۧنَ مَنۡ أَنصَارِيٓ إِلَى ٱللَّهِۖ قَالَ ٱلۡحَوَارِيُّونَ نَحۡنُ أَنصَارُ ٱللَّهِۖ فَـَٔامَنَت طَّآئِفَةٞ مِّنۢ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَكَفَرَت طَّآئِفَةٞۖ فَأَيَّدۡنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَىٰ عَدُوِّهِمۡ فَأَصۡبَحُواْ ظَٰهِرِينَ ١٤

"Wahai orang-orang yang beriman! Apakah kamu suka Aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari 'azab yang pedih?(10) Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda kamu dan jiwa raga kamu. Itulah yang lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui(11). Nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai dan menempatkan kamu di kediaman-kediaman yang selesa di dalam Syurga-syurga 'Adni. Itulah keberuntungan yang amat besar(12). Dan satu lagi kurnia yang disukai kamu, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat, dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin(13). Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu para penyokong Allah sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya: Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah? Jawab sahabat-sahabat setia itu: Kamilah para penyokong Allah. Lalu berimanlah segolongan dari Bani Israel dan segolongan yang lain pula menjadi kafir. Lalu Kami bantukan orang-orang yang beriman itu mengalahkan musuh mereka dan mereka telah mendapat kemenangan."(14)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Matlamat surah ini ialah memperkatakan dua perkara asasi yang amat jelas, di samping menyentuh persoalan-persoalan cabang yang lain yang dapat dikembalikan kepada dua perkara asasi itu.

Matlamat yang pertama ialah hendak menanamkan di dalam hati nurani setiap Muslim bahawa agamanya adalah satu sistem hidup Ilahi yang diaturkan untuk umat manusia dalam bentuknya yang akhir. Sebelum ini sistem itu telah dilalui oleh berbagai-bagai bentuknya yang sesuai dengan tahap-tahap perkembangan yang tertentu yang dilalui oleh sejarah umat manusia. Begitu juga sebelum ini sistem ini telah didahului oleh berbagai-bagai pengalaman yang dilalui oleh kehidupan para rasul dan kelompok-kelompok Mu'minin, dan seluruh bentuk dan pengalaman itu adalah untuk melicinkan jalan bagi penjelmaan bentuk akhir agama Allah yang satu yang dikehendaki Allah untuk menjadikannya agama penamat atau agama yang mengakhiri segala agama samawi dan menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain di muka bumi ini.

Kerana itu Al-Qur'an menyebut kerasulan Musa untuk menjelaskan bahawa kaumnya yang Allah utuskan beliau kepada mereka telah menyakiti beliau dan menyeleweng dari agama yang di bawa beliau, dan akibatnya mereka menjadi sesat dan tidak lagi dapat menjadi pemegang-pemegang amanah agama Allah di muka bumi ini:

وَإِذۡ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوۡمِهِۦ يَٰقَوۡمِ لِمَ تُؤۡذُونَنِي وَقَد تَّعۡلَمُونَ أَنِّي رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيۡكُمۡۖ فَلَمَّا زَاغُوٓاْ أَزَاغَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمۡۚ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٥

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Mengapakah kamu menyakitiku, sedangkan kamu tahu bahawa aku adalah utusan dari Allah kepada kamu? Dan apabila mereka menyimpang dari jalan yang benar, maka Allah menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."(5)

Jadi, kepimpinan kaum Musa terhadap agama Allah telah berakhir. Mereka tidak lagi menjadi para pemegang agama sejak mereka menyimpang dan sesat dari agama Allah, lalu Allah simpang dan sesatkan hati mereka darinya, dan Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang fasiq.

Al-Qur'an juga menyebut kerasulan 'Isa untuk menjelaskan bahawa kedatangan beliau adalah lanjutan dari risalah Musa untuk membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumnya dan untuk melicinkan jalan bagi kerasulan yang terakhir, juga untuk menyampaikan berita gembira iaitu berita kedatangan Rasul yang akan membawa agama yang akhir itu. Kedatangan 'Isa adalah merupakan penyambung di antara agama Kitab yang akhir:

وَإِذۡ قَالَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَ يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ إِنِّي رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيۡكُم مُّصَدِّقٗا لِّمَا بَيۡنَ يَدَيَّ مِنَ ٱلتَّوۡرَىٰةِ وَمُبَشِّرَۢا بِرَسُولٖ يَأۡتِي مِنۢ بَعۡدِي ٱسۡمُهُۥٓ أَحۡمَدُۖ

"Dan (kenangilah) ketika 'Isa putera Maryam berkata: Wahai Bani Israel! Sesungguhnya aku adalah utusan dari Allah kepada kamu, yang membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumku dan menyampaikan berita gembira tentang kedatangan seorang rasul yang akan datang selepasku namanya ialah Ahmad."(6)

Jadi Nabi 'Isa a.s. adalah datang untuk menyerahkan amanah agama Ilahi yang dibawanya selepas Musa kepada Rasul yang akan datang iaitu seorang rasul yang beliau telah menyampaikan berita kedatangannya.

Memang telah diputuskan dalam ilmu Allah dan dalam taqdir-Nya bahawa langkah-langkah itu akan berakhir kepada suatu ketetapan yang mantap dan kekal, dan bahawa agama Allah di muka bumi ini akan mantap dalam bentuknya yang terakhir di tangan Rasul-Nya yang terakhir:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَرۡسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلۡهُدَىٰ وَدِينِ ٱلۡحَقِّ لِيُظۡهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡمُشۡرِكُونَ ٩

"Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar supaya Dia menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain walaupun dibencikan para Musyrikin."(9)

Inilah matlamat pertama yang jelas di dalam surah ini, iaitu matlamat yang menjadi asas tegaknya matlamat yang kedua, kerana apabila seseorang Muslim itu menyedari hakikat ini dan memahami kisah 'aqidah, juga memahami peranannya sebagai pemegang amanahnya di bumi ini, sudah tentu kesedaran itu akan diikuti oleh kesedarannya terhadap tugas-tugas memikul amanah itu, iaitu satu kesedaran yang akan mendorongnya ke arah niat yang teguh untuk memperjuangkan agama Allah supaya mengatasi segala agama yang lain seperti yang dikehendaki Allah dan bersikap tidak terumbang-ambing di antara kata-kata dan amal. Amatlah keji apabila seseorang Mu'min mengumumkan keinginan untuk berjuang kemudian selepas itu dia mengundurkan dirinya dari medan perjuangan sebagaimana telah berlaku kepada segolongan orang-orang Islam menurut keterangan yang diceritakan oleh riwayat-riwayat. Kerana itu di permulaan surah ini, selepas diumumkan tasbih alam buana dan segala isi penghuninya terhadap Allah, Al-Qur'an menyatakan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ٢ كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ٣ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِهِۦ صَفّٗا كَأَنَّهُم بُنۡيَٰنٞ مَّرۡصُوصٞ ٤

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?(2). Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya(3). Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun teguh."(4)

Kemudian di tengah surah, Al-Qur'an menyeru mereka kepada satu perniagaan yang paling menguntungkan di dunia dan Akhirat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ هَلۡ أَدُلُّكُمۡ عَلَىٰ تِجَٰرَةٖ تُنجِيكُم مِّنۡ عَذَابٍ أَلِيمٖ ١٠

تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمۡوَٰلِكُمۡ وَأَنفُسِكُمۡۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ١١

يَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡ وَيُدۡخِلۡكُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةٗ فِي جَنَّٰتِ عَدۡنٖۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ١٢

وَأُخۡرَىٰ تُحِبُّونَهَاۖ نَصۡرٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَتۡحٞ قَرِيبٞۗ وَبَشِّرِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١٣

"Wahai orang-orang yang beriman! Apakah kamu suka Aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari 'azab yang pedih?(10) Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda kamu dan jiwa raga kamu. Itulah yang lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui(11). Nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai dan menempatkan kamu di kediaman-kediaman yang selesa di dalam Syurga-syurga 'Adni. Itulah keberuntungan yang amat besar(12). Dan satu lagi kurnia yang disukai kamu, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat, dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin."(13)

Kemudian surah ini mengakhiri dengan satu seruan yang akhir kepada orang-orang yang beriman supaya mereka menjadi para penyokong agama Allah sebagaimana sahabat-sahabat 'Isa yang setia menjadi para penyokongnya untuk memperjuangkan agama Allah walaupun beliau didustakan Bani Israel dan dimusuhi mereka.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُوٓاْ أَنصَارَ ٱللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَ لِلۡحَوَارِيِّـۧنَ مَنۡ أَنصَارِيٓ إِلَى ٱللَّهِۖ قَالَ ٱلۡحَوَارِيُّونَ نَحۡنُ أَنصَارُ ٱللَّهِۖ فَـَٔامَنَت طَّآئِفَةٞ مِّنۢ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَكَفَرَت طَّآئِفَةٞۖ فَأَيَّدۡنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَىٰ عَدُوِّهِمۡ فَأَصۡبَحُواْ ظَٰهِرِينَ ١٤

"Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu para penyokong Allah sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya: Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah? Jawab sahabat-sahabat setia itu: Kamilah para penyokong Allah. Lalu berimanlah segolongan dari Bani Israel dan segolongan yang lain pula menjadi kafir. Lalu Kami bantukan orang-orang yang beriman itu mengalahkan musuh mereka dan mereka telah mendapat kemenangan."(14)

Inilah dua persoalan yang jelas yang dikemukakan oleh surah ini yang hampir-hampir menghabiskan semua ayat-ayatnya. Tiada lagi persoalan lain kecuali mengecam orang-orang yang mendustakan kerasulan yang terakhir. Kecaman ini pula sentiasa berhubung rapat dengan dua persoalan pokok itu. Hal ini terkandung dalam firman Allah mengenai Rasulullah s.a.w. setelah menyebut berita gembira dari 'Isa a.s. tentang kedatangannya:

فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ قَالُواْ هَٰذَا سِحۡرٞ مُّبِينٞ ٦ وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ ٱلۡكَذِبَ وَهُوَ يُدۡعَىٰٓ إِلَى

الْإِسْلَامِ ۚ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٧﴾ يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٨﴾

"Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini adalah suatu sihir yang nyata. Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang sanggup membuat dusta terhadap Allah, sedangkan dia diseru kepada agama Islam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim. Mereka mahu memadamkan nur (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang yang kafir."(6-8)

Dari keterangan ini jelaslah di dalam hati nurani seseorang Muslim bahawa agamanya adalah agama Allah dalam bentuknya yang terakhir di bumi ini dan bahawa amanah 'aqidah ini di kalangan umat manusia adalah diserahkan kepadanya. Kini dia sedar bahawa dia ditugaskan untuk berjuang kerana Sabilullah seperti yang dikehendaki Allah. Kini jalan di hadapannya terang dan jelas, tiada lagi di dalam pemikirannya sebarang kekeliruan dan kekaburan, dan tiada lagi di dalam hidupnya sebarang ruang untuk merungut dan mengomel dalam urusan agama ini, atau ruang untuk teragak-agak dan menoleh-noleh dari terus menuju ke matlamat yang telah ditetapkan Allah dan dari terus menuju kepada peranan yang telah dibahagikan di dalam ilmu Allah dan perencanaan-Nya sejak zaman-berzaman.

Di samping membimbing kepada matlamat yang jelas ini, Al-Qur'an juga membimbing kepada pembentukan akhlak seseorang Muslim dan sifat hati nuraninya iaitu dia tidak harus berkata sesuatu yang dia tidak laksanakannya. Perkataannya jangan bercanggah dengan amalannya, yang zahirnya jangan berbeza dari yang batinnya, dan yang tersembunyinya jangan berlainan dari yang nyatanya. Dia harus tetap dengan sikap dirinya di setiap waktu, iaitu ikhlas kepada Allah, tulus kepada da'wah-Nya, terus-terang dalam kata-kata dan perbuatannya, tetap teguh mengatur langkahnya di jalan Allah, bersatupadu dengan saudara-saudara seagamanya laksana bangunan yang tersusun teguh.

******

(Pentafsiran ayat 1)

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾

"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi semuanya bertasbih memuji Allah. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(1)

Tasbih dari alam buana kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Bijaksana adalah disebut di permulaan surah yang mengumumkan kepada umat Muslimin bahawa agama mereka adalah siri yang terakhir dari agama Allah, dan bahawa mereka adalah pemegang-pemegang amanah agama yang memperjuangkan kepercayaan keesaan Allah, agama yang menentang kaum kafirin dan Musyrikin kerana kekufuran dan kesyirikan mereka, agama yang menyeru mereka berjihad untuk menegakkannya, agama yang telah ditaqdirkan Allah untuk menonjolkannya ke atas semua agama yang lain walaupun tidak disukai kaum Musyrikin.

Permulaan surah ini juga menyarankan bahawa amanah agama yang dipikul oleh umat Muslimin adalah amanah seluruh alam buana, dan 'aqidah yang diseru mereka berjihad kerananya ialah 'aqidah seluruh penghuni langit dan bumi, dan kemunculan agama Islam ini mengatasi segala agama yang lain merupakan satu gejala alam yang sesuai dengan tawajjuh seluruh alam kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 4)

Kecaman Terhadap Reaksi Setengah Golongan Muslimin Ketika Difardhukan Jihad

Kemudian Allah mengecam hebat segolongan orang-orang Mu'min kerana melakukan satu perbuatan yang amat dibencinya, apatah lagi perbuatan itu dilakukan oleh orang-orang Mu'min sendiri:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُوصٌ ﴿٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?(2) Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya(3). Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun teguh."(4)

Ujar 'Ali ibn Talhah dari Ibn 'Abbas katanya: Ada sekumpulan orang-orang Mu'min sebelum difardhukan jihad telah bercakap-cakap: Kita sangat suka agar Allah menunjukkan kepada kita amalan yang paling disukai-Nya agar kita dapat beramal dengannya. Lalu Allah menceritakan kepada Nabi-Nya bahawa amalan yang paling disukai-Nya ialah beriman tanpa sebarang keraguan dan berjihad menentang orang-orang yang menderhakakan-Nya iaitu orang-orang yang tidak beriman dan tidak mengakui-Nya. Apabila fardhu jihad diturunkan, ramai orang-orang Mu'min tidak sukakannya dan merasa sukar, lalu Allah S.W.T. pun berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?(2). Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya."(3)

Ibn Jarir dalarn tafsirnya telah memilih pendapat ini.

Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya: Para Jumhur Ulama' telah mengatakan bahawa ayat ini diturunkan apabila mereka bercita-cita supaya difardhukan jihad ke atas mereka, tetapi setelah jihad itu difardhukan, setengah mereka enggan berjihad sebagaimana telah diterangkan Allah di dalam firman-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾ أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ ۗ

"Tidakkah kamu melihat kepada orang-orang yang dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu dari berperang dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat. Kemudian apabila difardhukan ke atas mereka berperang, tiba-tiba sekumpulan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih lagi, dan mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapa engkau wajibkan peperangan ke atas kami? Mengapa tidak engkau tangguhkannya hingga ke suatu masa yang terdekat? Katakanlah (kepada mereka): Kenikmatan dunia ini amat sedikit, sedangkan Akhirat itu lebih baik kepada mereka yang bertaqwa dan kamu tidik akan dianiayai sedikit pun. Di mana sahaja kamu berada maut akan mendapatkan kamu walaupun kamu berada di dalam benteng yang kukuh."

(Surah an-Nisa: 77-78)

Ujar Qatadah dan adh-Dhahak pula: Surah ini diturunkan untuk mengecam segolongan orang Islam yang berbual-bual, "kami telah bunuh sekian banyak, kami telah menetak sekian banyak, kami telah menikam sekian banyak, kami buat itu dan ini," sedangkan mereka tidak berbuat apa-apa.

Pendapat yang kuat berdasarkan keterangan ayat-ayat ini dan penjelasan mengenai, peperangan ialah pendapat yang dipegang oleh Jumhur Ulama', iaitu pendapat yang dipilih oleh Ibn Jarir. Tetapi jangkauan nas-nas Al-Qur'an selama-lamanya lebih jauh dari peristiwa-peristiwa tunggal yang menyebabkan turunnya nas-nas itu. Ia mencakup berbagai-bagai keperihalan yang sama selain dari keperihalan yang menjadi sebab ia diturunkan. Kerana itu kami membawa nas-nas ini kepada pengertian-pengertiannya yang luas di samping mengambil kira peristiwa yang menjadi sebab nuzulnya yang disebut oleh riwayat-riwayat itu.

Surah ini dimulakan dengan kecaman terhadap satu peristiwa atau beberapa peristiwa yang telah berlaku:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?"(2)

Kemudian ia iringi dengan mencela perbuatan dan kelakuan itu dengan ungkapan yang menghebatkan lagi kecaman itu:

كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

"Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya."(3)

Kemurkaan yang besar di sisi Allah merupakan kebencian, kemarahan dan kecelaan yang paling besar terutama pada hati orang Mu'min yang diseru dalam ayat ini dengan sifat imannya, atau orang-orang Mu'min yang diseru oleh Tuhannya yang mereka beriman kepada-Nya.

Ayat yang ketiga menyebut secara langsung persoalan yang diperbualkan mereka tanpa melaksanakannya iaitu persoalan jihad serta menjelaskan bagaimana cara jihad yang disukai dan diredhai Allah:

Cara Jihad Yang Disukai Allah

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِهِۦ صَفًّا كَأَنَّهُم بُنْيَٰنٌ مَّرْصُوصٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun teguh."(4)

Yang disukainya bukanlah semata-mata jihad, tetapi jihad kerana agama dan jihad yang bersatupadu dengan kelompok Muslimin dalam satu barisan, dan jihad yang penuh keberanian dan ketahanan seolah-olah sebuah bangunan yang dibina begitu teguh.

******

Di berbagai-bagai tempat yang lain dalam tafsir juzu' ini kami telah tegaskan bahawa Al-Qur'an bertujuan membangunkan satu umat. Ia mahu membangunkan satu umat untuk memikul amanah agama Allah di bumi ini dan untuk menegakkan sistem hidup dan undang-undang-Nya dalam

kehidupan umat manusia. Kerana itu Al-Qur'an harus membangunkan mereka secara individu dan secara kelompok dan secara amali di alam kenyataan serentak dalam satu waktu. Seseorang Muslim tidak dapat dibangunkan melainkan di tengah kelompok Muslimin, dan Islam tidak dapat ditegak melainkan dalam satu lingkungan kelompok Muslimin yang tersusun kemas, mempunyai pertalian, peraturan dan matlamat bersama yang membabitkan setiap individu dalam kelompok itu, iaitu matlamat menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam hati nurani manusia dan berusaha menegakkannya di muka bumi ini. Dan sistem ini tidak dapat tegak di bumi ini melainkan di dalam satu masyarakat yang hidup, bergerak, bekerja dan menghasilkan pengelurannya mengikut peraturan dan undang-undang sistem ini.

Walaupun Islam begitu besar memberi perhatiannya kepada pembinaan hati dan tanggungjawab individu, namun ia bukanlah agama individu-individu yang hidup berasingan satu sama lain, di mana setiap orang masing-masing menyembah Allah di rumah ibadat, kerana ini tidak cepat menegakkan Islam dalam hati individu itu sendiri dan tidak dapat menegakkan Islam dalam kehidupannya. Islam tidak datang untuk hidup terpencil dan berasingan seperti itu, malah Islam datang untuk mengendali dan menyelenggarakan kehidupan umat manusia, untuk mengawasi setiap kegiatan individu dan kelompok dalam segala bidang dan arah tujuan mereka. Manusia tidak hidup secara individu-individu yang berasingan, malah mereka hidup secara berkelompok dan berumat-umat, kerana itu Islam datang untuk mengendali mereka dalam bentuk hidup yang seperti itu. Islam ditegakkan di atas asas bahawa manusia itu hidup secara berkelompok. Oleh sebab itu, semua peradaban, undang-undang dan peraturannya adalah disusun mengikut asas hidup berkelompok. Apabila Islam memberi perhatiannya yang berat mendidik hati individu, maka Islam mendidikkannya di atas asas hidup berkelompok, di mana dia dan kelompok yang hidup bersamanya adalah semuanya bertawajjuh kepada Allah, semuanya bertugas menjaga amanah agama Allah di muka bumi dan mengawasi sistem hidup dan peraturan-peraturan-Nya di dalam kehidupan manusia.

Sejak hari pertama da'wah lagi, masyarakat atau kelompok Islam itu telah wujud di bawah satu kepimpinan yang dipatuhi iaitu kepimpinan Rasulullah s.a.w. Masyarakat itu mempunyai komitmen-komitmen kelompok di antara individu-individunya, dan mempunyai syakhsiyah yang tersendiri yang berbeza dari kelompok-kelompok yang lain yang wujud di sekeliling mereka, di samping mempunyai peradaban-peradaban yang berhubung dengan hati manusia, iaitu peradaban-peradaban yang dalam satu waktu yang sama bertujuan untuk menjaga kehidupan kelompok Muslimin itu. Semuanya itu wujud sebelum tertubuhnya negara Islam di Madinah, malah wujudnya kelompok Muslimin pertama itu merupakan wasilah untuk membangunkan negara Islam di Madinah.

Apabila kita memerhatikan tiga ayat ini kita dapat melihat persebatian akhlak individu dan keperluan kelompok di bawah naungan 'aqidah dan tabi'atnya yang perlu direalisasikan dalam kehidupan manusia dalam bentuk satu sistem yang dijaga dan dikawal.

Dua ayat yang pertama mengandungi hukuman dan kecaman dari Allah terhadap setengah-setengah orang Mu'min yang berkata tetapi tidak mengotakan perkataan mereka, kedua-dua ayat itu menggariskan satu aspek pokok dari syakhsiyah seorang Muslim iaitu bersifat benar dan jujur di mana batinnya harus sama dengan zahirnya, dan perbuatannya sama dengan perkataannya secara umumnya dan dalam batas-batas yang lebih jauh dari persoalan peperangan yang dibicarakan dalam ayat yang ketiga itu.

Inilah ciri syakhsiyah Muslim yang amat ditekankan oleh Al-Qur'an; kemudian diikuti pula oleh as-Sunnah yang berulang-ulang kali menjelas dan menambahkan penekanannya. Firman Allah S.W.T. mengecam sikap kaum Yahudi:

أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

"Adakah kamu menyuruh orang ramai melakukan keta'atan, tetapi kamu lupakan diri kamu sendiri, sedangkan kamu membaca kitab Taurat. Apakah tidak kamu berfikir?"

(Surah al-Baqarah: 44)

Firman Allah S.W.T. lagi mengecam orang-orang Munafiqin:

وَيَقُولُونَ طَاعَةٌ فَإِذَا بَرَزُوا۟ مِنْ عِندِكَ بَيَّتَ طَآئِفَةٌ مِّنْهُمْ غَيْرَ ٱلَّذِى تَقُولُ ۖ

"Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: Kami tetap patuh dan ta'at, tetapi apabila mereka keluar dari sisimu, maka segolongan dari mereka merancang tindakan-tindakan yang berlainan dari apa yang dikatakan mereka."

(Surah an-Nisa': 81)

Firman-Nya lagi mengenai mereka:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُعْجِبُكَ قَوْلُهُۥ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَيُشْهِدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا فِى قَلْبِهِۦ وَهُوَ أَلَدُّ ٱلْخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾ وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِى ٱلْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ ٱلْحَرْثَ وَٱلنَّسْلَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٠٥﴾

"Di antara manusia ada orang yang engkau tertarik kepada ucapan-ucapannya mengenai kehidupan dunia dan dia mempersaksikan dengan nama Allah atas kejujuran isi

hatinya, sedangkan sebenarnya dialah musuh yang paling ketat. Apabila dia beredar dari engkau dia akan berjalan di bumi untuk merosakkannya dan membinasakan tanaman dan ternakan, dan Allah tidak sukakan kerosakan."

(Surah al-Baqarah: 204-205)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

آية المنافق ثلاث : إذا حدث كذب ، وإذا وعد أخلف ، وإذا أؤتمن خان

"Tanda orang Munafiq itu tiga perkara: Apabila bercakap dia berdusta, apabila berjanji dia mungkir janjinya dan apabila dipertaruhkan amanah dia khianati."

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, at-Tarmizi, an-Nasai' dari Abu Hurayrah r.a. Hadith yang seperti ini memang banyak, dan mungkin sebuah hadith yang kami akan sebutkan di sini merupakan satu bimbingan yang paling halus dan seni dari bimbingan-bimbingan Nabi yang mulia mengenai tujuan ini. Al-Imam Ahmad dan Abu Daud telah meriwayatkan dari Abdullah ibn 'Amir ibn Rabi'ah katanya: Rasulullah s.a.w. telah mengunjungi kami, sedangkan di waktu itu saya masih kanak-kanak. Apabila saya hendak keluar untuk bermain-main, ibu saya berkata. Wahai Abdullah mari ke sini aku akan berikan awak sesuatu. Lalu Rasulullah s.a.w. bertanya, "Apakah yang anda hendak berikan kepadanya?" Jawabnya: "Buah tamar." Lalu beliau bersabda, "Ingat! Jika anda tidak berikannya nescaya ditulis satu perbuatan bohong ke atas anda." Barangkali kerana menimba dari matair bimbingan Rasulullah yang bersih dan jernih hening inilah al-Imam Ahmad ibn Hanbal r.a. enggan meriwayatkan sebuah hadith dari seorang lelaki yang beliau telah berjalan begitu jauh untuk mengambil hadith itu darinya apabila beliau dapati orang ini merapatkan ribanya dan memanggil keldainya dengan tujuan memahamkannya ada makanan di ribanya, sedangkan di ribaannya kosong. Beliau keberatan untuk meriwayatkan hadith itu dari orang ini kerana dia telah berbohong dengan keldainya.

Inilah cara pembinaan akhlak yang amat seni dan bersih terhadap hati dan syakhsiyah seseorang Muslim yang layak menjadi pemegang amanah sistem hidup Ilahi di muka bumi ini. Inilah perkara yang dijelaskan di dalam surah ini dan inilah satu siri dari siri-siri pendidikan dalam kelompok Muslimin yang dilengkapkan Allah untuk menjaga agama ini.

Apabila kita kembali memperkatakan persoalan jihad yang menjadi persoalan langsung yang dihadapi oleh ayat-ayat yang diturunkan ini, maka kita akan berdepan dengan berbagai-bagai persoalan untuk dibicara, diulas dan diambil pengajaran.

Yang pertama, kita berdepan dengan jiwa sekumpulan manusia yang dilanda oleh sa'at-sa'at kelemahan yang mendadak, iaitu sa'at-sa'at kelemahan yang tidak terpelihara darinya melainkan dengan pertolongan Allah, melainkan dengan memberi peringatan yang berterusan memberi bimbingan dan didikan yang berturut-turut. Mereka ialah sekumpulan orang-orang Islam, yang menurut setengah-setengah riwayat adalah dari orang-orang Muhajirin yang bercita-cita supaya Allah mengizinkan mereka berperang sewaktu mereka masih berada di Makkah dahulu kerana terlalu bersemangat dan terburu-buru, tetapi mereka telah diperintah supaya menahankan tangan mereka dari berperang di samping diperintah mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Dan apabila peperangan itu telah diwajibkan ke atas mereka di Madinah setelah tiba waktunya yang sesuai menurut perencanaan Ilahi, tiba-tiba sebahagian dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih lagi, dan mereka berkata, "Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan peperangan ke atas kami? Mengapa tidak Engkau tangguhkannya hingga ke suatu masa yang dekat?" Atau mereka adalah dari sekumpulan kaum Muslimin Madinah yang bertanya tentang sesuatu amalan yang paling disukai di sisi Allah untuk diamalkan mereka, tetapi apabila mereka diperintah berperang mereka tidak sukakannya.

Pendirian ini sudah cukup untuk membuka mata kita betapa perlunya jiwa manusia itu terus-menerus diperkuat, diperkukuh dan dibimbingkan ketika ia menghadapi tugas-tugas yang berat supaya ia dapat berjalan lurus dan dapat mengatasi sa'at-sa'at kelemahannya dan supaya sentiasa bercita-cita untuk sampai ke ufuk yang lebih jauh, begitu juga pendirian ini menyarankan kepada kita supaya kita bersikap rendah diri apabila meminta tugas-tugas atau bercita-cita mendapatkan tugas-tugas semasa kita berada dalam keadaan 'afiat dan aman, kerana kita mungkin tidak mampu untuk melaksanakan sesuatu tugas yang telah kita cadangkan kepada Allah apabila Allah menyerahkan tugas-tugas itu kepada kita. Mereka adalah sekumpulan orang Islam angkatan pertama yang lemah dan mengatakan sesuatu yang tidak dikotakan mereka sehingga menyebabkan mereka dikecam hebat oleh Allah.

Yang kedua, kita berdepan dengan kesukaan Allah terhadap mereka yang berperang kerana agama Allah dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka satu bangunan yang tersusun rapi. Di sini kita berdepan dengan galakan yang kuat dan mendalam untuk berjuang kerana agama Allah. Galakan ini ialah khusus untuk menghadapi satu keadaan kelemahan semangat perjuangan dan kebencian untuk berperang. Tetapi sebab yang aneh ini dalam satu peristiwa yang terbatas ini tidak menafikan bahawa galakan itu merupakan satu galakan umum yang mempunyai hikmat yang kekal di sebaliknya.

Islam tidak mengingini peperangan. Ia tidak mahukan peperangan itu kerana cintakan peperangan, tetapi Islam memfardhukan jihad itu kerana realiti hidup memerlukannya dan kerana tujuan di sebalik jihad itu amat besar. Islam menghadapi umat manusia dengan agama Allah

dalam bentuknya yang terakhir dan mantap. Walaupun agama ini dapat memenuhkan kehendak fitrah manusia yang lurus, namun ia mengenakan tugas-tugas yang berat kepada manusia supaya mereka dapat meningkatkan jiwa mereka ke tahap yang layak dengannya, dan supaya mereka tetap berada di tahap yang luhur itu. Di sana terdapat berbagai-bagai kuasa yang tidak sukakan agama ini mendapat kedudukan yang teguh, kerana ia akan merampas berbagai-bagai kedudukan istimewa mereka yang ditegakkan di atas nilai-nilai yang bathil dan palsu, iaitu nilai-nilai palsu yang ditentang dan dihancurkan oleh agama ini apabila ia tegak dalam kehidupan manusia. Kuasa-kuasa ini mempergunakan kelemahan-kelemahan jiwa manusia supaya tidak kekal beriman kepada agama ini dan melaksanakan tugas-tugasnya. Begitu juga mereka mempergunakan kejahilan akal manusia dan adat-adat resam yang diwarisi mereka generasi demi generasi untuk menentang dan menghalangkan perkembangan agama ini. Memandang kejahatan begitu merebak, kebathilan begitu angkuh dan syaitan begitu lihai, maka wajiblah kepada pendokong-pendokong keimanan dan para pembela agama ini menguatkan diri mereka masing-masing untuk menewaskan agen-agen kejahatan dan pembantu-pembantu syaitan itu. Mereka harus kuat dalam akhlak mereka di samping kuat dalam memerangi musuh-musuh mereka. Mereka wajib berperang apabila peperangan itu merupakan satu-satunya alat untuk menjamin kebebasan berda'wah untuk menyeru manusia kepada agama yang baru ini, dan menjamin kebebasan beri'tiqad dengannya dan kebebasan beramal menurut peraturan dan undang-undangnya yang tersusun rapi itu.

Mereka berjihad kerana agama Allah, bukan berjihad kerana kepentingan diri sendiri, bukan kerana kepentingan 'Asabiyah dari apa-apa bentuk sekalipun, sama ada 'Asabiyah negara, 'Asabiyah keluarga atau 'Asabiyah keturunan, malah berjihad semata-mata kerana agama Allah sahaja agar Kalimatullah terjulang ke tahap yang paling tinggi. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من قاتل لتكون كلمة الله هي العليا فهو في سبيل الله

(أخرجه الخمسة)

"Barang siapa yang berperang untuk meninggikan Kalimatullah, maka bererti ia berjuang kerana Sabilullah."

Kalimatullah menggungkap dari iradat Allah, dan iradat Allah yang jelas kepada kita ialah iradat yang sesuai dengan undang-undang yang diikuti oleh alam buana seluruhnya yang bertasbih memuji Tuhannya. Agama Allah dalam bentuknya yang terakhir yang dibawa oleh Islam itulah agama yang sesuai dengan undang-undang yang dipatuhi alam buana yang menjadikan seluruh alam buana termasuk manusia diperintahkan dengan syari'at Allah bukan dengan syari'at yang diatur oleh yang lain dari Allah.

Islam terpaksa menghadapi tentangan individu-individu, tentangan berbagai-bagai golongan dan berbagai-bagai negara. Islam terpaksa mara terus menghadapi tentangan-tentangan itu. Kaum Muslimin terpaksa diwajibkan berjihad untuk menolong agama ini dan untuk menegakkan Kalimatullah di muka bumi, kerana itu Allah amat sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu laksana satu bangunan yang tersusun teguh.[1]

Yang ketiga, kita berdepan dengan satu keadaan, di mana Allah sukakan para Mujahidin berjuang dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka satu bangunan yang tersusun kukuh. Perintah ini sendiri merupakan satu kewajipan individu, tetapi ia merupakan kewajipan individu dalam bentuk kelompok yang berperaturan. Ini memandangkan kerana pihak-pihak yang menentang Islam itu menentang dengan kekuatan-kekuatan kelompok. Mereka berpakat menyerangnya dengan gabungan kekuatan yang besar. Oleh itu, para perajurit Islam juga pasti menghadapi musuh-musuh mereka dalam satu barisan yang padu, tersusun rapi, kukuh dan teguh. Tambahan pula tabi'at agama ini apabila ia menang dan menewas, ia akan memerintah kelompok manusia dan akan membentuk sebuah masyarakat yang padu dan tersusun rapi. Gambaran individu yang terpencil yang beribadat seorang diri, berjihad seorang diri dan hidup seorang diri merupakan satu gambaran yang amat jauh dari tabi'at agama ini dan dari kehendak-kehendaknya dalam menghadapi keadaan perang dan dalam menguasai kehidupan umum selepas memenangi peperangan itu.

Gambaran perjuangan yang disukai Allah dari orang-orang Mu'min itu menggambarkan kepada mereka tabi'at agama mereka dan menerangkan tanda-tanda jalannya dan seterusnya menjelaskan sifat perpaduan yang teguh yang dilukiskan oleh Al-Qur'an dengan ungkapan yang amat indah, *"Satu barisan yang padu seolah-olah mereka satu bangunan yang tersusun rapi"*[2] iaitu satu bangunan di mana keping-keping batanya saling bantu-membantu, teguh-meneguh dan kukuh-mengukuh. Setiap keping bata memain peranannya dan menutup ruangnya masing-masing. Seluruh bangunan itu akan roboh apabila sekeping bata yang mengikatnya terkeluar dari tempatnya sama ada terkeluar ke depan atau ke belakang, atau terlucut dari mengikatkan keping-keping bata di bawahnya atau di atasnya atau di sampingnya. Ia merupakan satu ungkapan yang memberi gambaran yang benar bukannya semata-mata bertujuan memberi perbandingan. Ia merupakan satu ungkapan yang menggambarkan sifat perpaduan kelompok Muslimin atau sifat perhubungan yang erat di antara individu-individu dalam kelompok Muslimin,

---

[1] *Lihat bab* سلام العالمي *di dalam kitab* السلام العالمي والإسلام

[2] "صفاً كأنهم بنين مرصوص"

iaitu perpaduan perasaan dan pergerakan di dalam organisasi yang teratur rapi menuju satu matlamat yang telah ditentukan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

Sekelumit Kisah Musa a.s. Dengan Kaumnya

Setelah itu Al-Qur'an menyebutkan kisah agama Allah dan peringkat-peringkat perkembangannya dalam risalah-risalah sebelum kedatangan Islam:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ لِمَ تُؤْذُونَنِى وَقَد تَّعْلَمُونَ أَنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ ۖ فَلَمَّا زَاغُوٓا۟ أَزَاغَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمْ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٥﴾

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Mengapakah kamu menyakitiku, sedangkan kamu tahu bahawa aku adalah utusan dari Allah kepada kamu? Dan apabila mereka menyimpang dari jalan yang benar, maka Allah menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq(5)".

Nabi 'Isa a.s. Menyampaikan Berita Kedatangan Nabi Muhammad s.a.w.

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُم مُّصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَىَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَمُبَشِّرًۢا بِرَسُولٍ يَأْتِى مِنۢ بَعْدِى ٱسْمُهُۥٓ أَحْمَدُ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ قَالُوا۟ هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٦﴾

"Dan (kenangilah) ketika 'Isa putera Maryam berkata: Wahai nani Israel! Sesungguhnya aku adalah utusan dari Allah kepada kamu, yang membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumku dan menyampaikan berita gembira tentang kedatangan seorang rasul yang akan datang selepasku, namanya ialah Ahmad. Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini adalah satu sihir yang nyata."(6)

Perbuatan Bani Israel menyakiti Nabi Musa a.s., sedangkan beliaulah penyelamat mereka dari penindasan Fir'aun dan kaumnya, dan beliaulah Rasul, pemimpin dan guru mereka, merupakan perbuatan yang berlarut-larutan dan bermacam-macam ragam. Usaha perjuangan Musa untuk membetulkan akhlak mereka yang bengkok itu merupakan satu perjuangan yang amat berat, sukar dan memenatkan. Al-Qur'an menyebut di dalam kisah Bani Israel berbagai-bagai rupa tindak-tanduk mereka yang menyakiti dan memenatkan Nabi Musa a.s.

Mereka selalu tidak puas hati terhadap Nabi Musa a.s., sedangkan beliau berusaha untuk menyelamatkan mereka dari kezaliman Fir'aun. Beliau terpaksa menghadapi kekejaman dan kezaliman Fir'aun, sedangkan mereka hidup aman dengan menghinakan diri kepada Fir'aun. Mereka pernah berkata kepada Musa kerana mengecam dan tidak puas hati terhadap beliau: *"Kami telah ditindas sebelum engkau datang kepada kami lagi dan terus tertindas selepas engkau datang kepada kami."* Seolah-olah mereka tidak nampak sebarang kebaikan dalam kerasulan Musa, dan seolah-olah mereka mahu meletakkan tanggungjawab penindasan Fir'aun yang akhir itu ke atas bahu Nabi Musa a.s.

Dan sebaik sahaja Musa a.s. berjaya membebaskan mereka dari penindasan Fir'aun dengan nama Allah Yang Maha Esa yang telah menyelamatkan mereka dan menenggelamkan Fir'aun di hadapan mata mereka sendiri, tiba-tiba mereka tertarik hati kepada cara ibadat Fir'aun dan kaumnya:

فَأَتَوْا۟ عَلَىٰ قَوْمٍ يَعْكُفُونَ عَلَىٰٓ أَصْنَامٍ لَّهُمْ ۚ قَالُوا۟ يَٰمُوسَى ٱجْعَل لَّنَآ إِلَٰهًا كَمَا لَهُمْ ءَالِهَةٌ ۚ

"Lalu mereka menemui satu kaum yang sedang asyik menyembah, berhala-berhala mereka, mereka pun berkata: Wahai Musa! Adakan untuk kami satu berhala sebagaimana berhala-berhala yang dipunyai mereka."

(Surah al-A'raf: 138)

Dan sebaik sahaja Musa a.s. pergi kerana memenuhi janji dengan Allah di atas Bukit Tursina untuk menerima lauh-lauh yang mengandungi pengajaran-pengajaran dari Allah, tiba-tiba mereka disesatkan pula oleh as-Samiri:

فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَّهُۥ خُوَارٌ فَقَالُوا۟ هَٰذَآ إِلَٰهُكُمْ وَإِلَٰهُ مُوسَىٰ فَنَسِىَ ﴿٨٨﴾

"Lalu dia (as-Samiri) mengeluarkan untuk mereka satu patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara dan mereka pun berkata: Inilah tuhan kamu, dan tuhan Musa, tetapi dia (Musa) telah lupakannya."

(Surah Taha: 88)

Kemudian mereka merungut dan mengomel terhadap makanan mereka di padang pasir iaitu makanan al-Manna dan as-Salwa. Mereka berkata kepada Musa:

يَٰمُوسَىٰ لَن نَّصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَٰحِدٍ فَٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلْأَرْضُ مِنۢ بَقْلِهَا وَقِثَّآئِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا ۖ

"Wahai Musa! Kami tidak akan tahan memakan sejenis makanan sahaja. Oleh itu, pohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya dia mengeluarkan untuk kami dari hasil-

hasil tumbuhan bumi iaitu dari sayur-sayuran, timunnya, bawang putihnya, kacang dalnya dan bawang besarnya."

(Surah al-Baqarah: 61)

Dan di dalam peristiwa lembu yang diperintah Allah supaya mereka menyembelihkannya, mereka terus bertengkar, berdalih dan menunjukkan kelakuan-kelakuan yang biadab terhadap Nabi mereka dan Tuhan mereka. Kata mereka:

ٱدۡعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِيَۚ

"Pohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya Dia menjelaskan kepada kami bagaimana lembu itu?"

(Surah al-Baqarah: 68)

ٱدۡعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا لَوۡنُهَاۚ

"Pohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya Dia menjelaskan kepada kami apakah warnanya?"

(Surah al-Baqarah: 69)

ٱدۡعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِيَ إِنَّ ٱلۡبَقَرَ تَشَٰبَهَ عَلَيۡنَا

"Pohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya Dia menjelaskan kepada kami bagaimana lembu itu. Kerana lembu itu telah menjadi kesamaran kepada kami?"

(Surah al-Baqarah: 70)

فَذَبَحُوهَا وَمَا كَادُواْ يَفۡعَلُونَ ٧١

"Mereka menyembelihkan lembu itu, sedangkan mereka hampir-hampir tidak dapat melakukannya."

(Surah al-Baqarah: 71)

Kemudian mereka meminta supaya diadakan satu hari cuti yang suci, dan apabila mereka diwajibkan bercuti pada hari Sabtu, tiba-tiba mereka mencabulinya.

Ketika mereka berada di depan tanah suci yang telah diberitakan Allah kepada mereka bahawa mereka akan memasukinya, mereka berdiri dengan semangat yang lemah dan memalingkan muka mereka dengan rupa yang mengejek:

قَالُواْ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوۡمٗا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدۡخُلَهَا حَتَّىٰ يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا فَإِن يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا فَإِنَّا دَٰخِلُونَ ٢٢

"Mereka berkata: Wahai Musa! Di dalam negeri ini ada satu kaum yang gagah dan zalim dan kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar darinya dan apabila mereka keluar darinya barulah kami akan memasukinya."

(Surah al-Ma'idah: 22)

Apabila Musa a.s. berulang-ulang kali memberangsang dan meniupkan semangat keberanian, mereka terus berdegil dan ingkar:

قَالُواْ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّا لَن نَّدۡخُلَهَآ أَبَدٗا مَّا دَامُواْ فِيهَا فَٱذۡهَبۡ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ٢٤

"Mereka berkata: Wahai Musa! Kami tidak akan memasukinya selama mereka berada di dalamnya. Oleh itu, pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Kami akan tetap duduk di sini sahaja."

(Surah al-Ma'idah: 24)

Demikianlah kedegilan mereka yang menyusahkan Musa a.s. dengan berbagai-bagai permintaan, cadangan, penderhakaan, pemberontakan dan melemparkan tuduhan-tuduhan peribadi yang tidak benar sebagaimana diterangkan di dalam setengah-setengah hadith.

Di sini Al-Qur'an menyebut perkataan Musa mengancam mereka dengan lemah-lembut:

وَإِذۡ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوۡمِهِۦ يَٰقَوۡمِ لِمَ تُؤۡذُونَنِي وَقَد تَّعۡلَمُونَ أَنِّي رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيۡكُمۡۖ فَلَمَّا زَاغُوٓاْ أَزَاغَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمۡۚ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٥

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Mengapakah kamu menyakitiku, sedangkan kamu tahu bahawa aku adalah utusan dari Allah kepada kamu? Dan apabila mereka menyimpang dari jalan yang benar, maka Allah menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."(5)

Mereka tahu hakikat ini dengan penuh keyakinan. Itulah kata-kata kecaman dan peringatan.

Tetapi pada akhirnya mereka terus menyimpang dari jalan yang benar setelah dikemukakan kepada mereka segala jalan kejujuran, kerana itu Allah menambahkan kesesatan mereka dan menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar hingga mereka tidak layak lagi untuk menerima hidayat. Mereka terus sesat dan Allah menetapkan mereka di dalam kesesatan untuk selama-lamanya:

وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٥

"Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."(5)

Dengan ini berakhirlah kepimpinan mereka dalam agama Allah, mereka tidak layak lagi memegang kepimpinan itu kerana mereka berada di dalam kesesatan.

Kemudian datang pula 'Isa putera Maryam berkata kepada Bani Israel:

يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ إِنِّي رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيۡكُم

"Wahai Bani Israel! Sesungguhnya aku adalah utusan dari Allah kepada kamu."(6)

'Isa tidak berkata kepada mereka bahawa dia Allah, dan tidak pula berkata dia itu anak Allah dan tidak juga berkata dia itu adalah satu komponen dari komponen-komponen Allah.

مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَمُبَشِّرًۢا بِرَسُولٍ يَأْتِى مِنۢ بَعْدِى ٱسْمُهُۥٓ أَحْمَدُ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْبَيِّنَـٰتِ قَالُوا۟ هَـٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٦﴾

"Yang membenarkan kitab suci, at-Taurat yang diturunkan sebelumku dan menyampaikan berita gembira tentang kedatangan seorang rasul yang akan datang selepasku, namanya ialah Ahmad. Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini adalah satu sihir yang nyata."(6)

Ayat ini menggambarkan siri-siri rangkaian kerasulan yang bersinambungan dan saling serah-menyerah satu sama lain. Ia merupakan satu hakikat yang padu dan kukuh yang mempunyai arah tujuan yang sama. Ia menghulur dari langit ke bumi serangkai demi serangkai dalam satu untaian yang panjang dan sambung-menyambung. Inilah gambaran yang sesuai dengan ciptaan Allah dan agama Allah. Ia merupakan agama Allah yang sama pada asal-usulnya dan berlain-lainan pada bentuk rupanya mengikut kesediaan umat manusia, keperluan-keperluan dan daya tenaga mereka, perkembangan pengalaman-pengalaman dan stok simpanan ilmu pengetahuan mereka sehingga sampai kepada tahap kematangan akal dan perasaan. Di waktu inilah datangnya siri kerasulan terakhir dengan bentuknya yang terakhir yang lengkap dan sempurna, yang dapat berbicara dengan akal yang matang dan berlandaskan pengalaman-pengalaman yang matang. Ia membebaskan akal manusia bekerja mengikut batas-batas kemampuannya dalam lingkungan program yang ditentukan kepada keseluruhan manusia dan sesuai dengan daya tenaga, dan bakat-bakat kesediaan mereka.

Bisyarah atau penyampaian berita kedatangan Rasul yang bernama Ahmad yang diumumkan oleh 'Isa al-Masih adalah thabit dengan nas ini, sama ada bisyarah ini termuat di dalam kitab-kitab suci Injil yang tersebar itu atau tidak termuat. Begitu juga thabit dan jelas bahawa cara kitab-kitab Injil itu ditulis dan suasana-suasana yang dilalui kitab-kitab itu tidak dapat menjadikan kitab-kitab itu sebagai sumber rujukan muktamad dalam perkara ini.

Al-Qur'an ini telah dibaca kepada kaum Yahudi dan Kristian di Semenanjung Tanah Arab dan di dalamnya terdapat keterangan berikut:

ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِىَّ ٱلْأُمِّىَّ ٱلَّذِى يَجِدُونَهُۥ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ

"Mereka yang mengikut Nabi yang ummi yang mereka dapatinya tertulis di sisi mereka di dalam Taurat dan Injil"

(Surah al-A'raf: 157)

Setengah-setengah mereka yang jujur dari para ulama' mereka yang telah memeluk Islam seperti Abdullah ibn Salam telah mengakui hakikat ini iaitu satu hakikat yang mereka saling berpesan satu sama lain supaya menyembunyikannya.

Begitu juga thabit dan jelas dari riwayat-riwayat sejarah bahawa kaum Yahudi menunggu-nunggu kebangkitan seorang Nabi yang telah hampir masanya. Begitu juga para Muwahhidin (penganut-penganut kepercayaan tauhid) yang mengasingkan diri yang terdiri dari ulama'-ulama' Kristian di Semenanjung Tanah Arab turut menunggu-nunggu kebangkitan Nabi itu, tetapi kaum Yahudi mahukan Nabi itu lahir dalam kalangan mereka. Oleh itu, apabila iradat Allah memutuskan bahawa Nabi itu dilahirkan dalam satu cabang keturunan yang lain dari zuriat Ibrahim, maka mereka terus memusuhi dan menentangnya.

Walau bagaimanapun nas Al-Qur'an ini sendiri merupakan kata pemutus dan muktamad dalam berita-berita yang seperti itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Kaum Yahudi Dan Kaum Kristian Melancarkan Perseteruan Yang Sengit Terhadap Islam Dan Kaum Muslimin Sejak Dahulu Hingga Sekarang

Nampaknya ayat-ayat yang berikut dalam surah ini adalah kebanyakannya membicarakan tentang sambutan Bani Israel - orang-orang Yahudi dan Nasara - terhadap Nabi yang diumumkan kedatangannya di dalam kitab-kitab suci mereka, dan mengecamkan sambutan mereka yang seperti itu, juga membicarakan tentang usaha-usaha mereka yang jahat terhadap agama yang baru itu, iaitu agama yang telah ditaqdirkan Allah untuk ditonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain dan menjadikannya agama yang terakhir.

فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْبَيِّنَـٰتِ قَالُوا۟ هَـٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٦﴾ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُوَ يُدْعَىٰٓ إِلَى ٱلْإِسْلَـٰمِ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٧﴾ يُرِيدُونَ لِيُطْفِـُٔوا۟ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَٱللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿٨﴾ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى

ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡمُشۡرِكُونَ ۝٩

"Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini ada-lah suatu sihir yang nyata(6). Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang sanggup membuat dusta terhadap? Allah, sedangkan dia diseru kepada agama Islam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim(7). Mereka mahu memadamkan nur (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang kafir(8). Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar supaya Dia menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain walaupun dibencikan para Musyrikin."(9)

Dalam menghadapi agama yang baru ini, Bani Israel telah mengambil sikap bermusuh dan merancang tindakan-tindakan jahat dan usaha-usaha menyesat dan mengelirukan. Mereka telah memeranginya dengan berbagai-bagai sarana dan cara. Mereka terus memeranginya dengan membabi buta tanpa mengenal gencatan senjata sehingga hari ini. Mereka memeranginya dengan melemparkan tuduhan, "Apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas mereka berkata: Ini adalah suatu sihir yang nyata." Tuduhan mereka sama dengan tuduhan yang dilemparkan oleh orang-orang yang tidak mengetahui kitab-kitab suci dan tidak mengetahui tentang bisyarah yang mengumumkan-berita kedatangan seorang rasul yang akan membawa agama yang baru.

Mereka juga telah memerangi agama yang baru itu dengan menaburkan hasutan dan fitnah pergaduhan di dalam khemah Islam untuk melaga-lagakan di antara kaum Muhajirin dan Ansar, dan di antara Aus dan Khazraj di dalam barisan Ansar. Mereka memerangi dengan membuat pakatan sulit dengan kaum Munafiqin dan terkadang-kadang dengan kaum Musyrikin. Mereka memeranginya dengan menggabungkan diri mereka dengan pihak-pihak musuh yang menyerang sebagaimana yang telah berlaku di dalam Peperangan al-Ahzab. Mereka memeranginya dengan membuat desas-desus dan betita-berita angin yang dusta sebagaimana yang telah berlaku dalam peristiwa tuduhan curang yang dusta terhadap Sayidatina 'Aisyah yang dilakukan oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul, dan apa yang berlaku dalam peristiwa fitnah Saydina 'Uthman r.a. yang dilakukan oleh musuh Allah, Abdullah ibn Saba'. Mereka memeranginya dengan cerita-cerita bohong dan cerita-cerita karut kaum Israel yang dimasukkan ke dalam kitab-kitab hadith, sirah dan tafsir setelah mereka gagal untuk memasukkan pembohongan-pembohongan mereka di dalam kitab suci Al-Qur'anul-Karim.

Mereka terus memerangi Islam tanpa mengenal gencatan senjata walau satu sa'at sekalipun hingga ke masa kini. Gerakan Zionis antarabangsa dan gerakan Salib (crusade) antarabangsa terus-menerus merancangkan tindakan-tindakan yang jahat terhadap Islam. Mereka terus menyerang dan mengganyang Islam dan tidak pernah berhenti dan berdamai dalam mana-mana generasi sekalipun. Mereka memerangi Islam di dalam peperangan-peperangan Salib di Timur, dan memeranginya di Andalusia di Barat, dan mereka memeranginya di Timur Tengah di dalam kerajaan khilafah 'Uthmaniyah yang terakhir dengan peperangan yang ganas hingga mereka berjaya mencaing-caingkan kerajaan itu dan membahagi-bahagikan Empayar 'Uthmaniyah yang mereka namakannya sebagai harta pusaka "Orang Sakit". Setelah itu mereka mewujudkan pahlawan-pahlawan palsu di negeri-negeri Islam yang bekerja untuk kepentingan-kepentingan mereka, iaitu bekerja untuk melaksanakan dendam kesumat dan tindakan-tindakan jahat mereka terhadap Islam. Apabila mereka mahu menghancurkan Khilafah 'Uthmaniyah dan menghapuskan saki-baki fenomena pemerintahan Islam yang terakhir di sana, mereka ciptakan seorang pahlawan di Turki[3], lalu mereka membesar-besarkan imejnya dan membuat angkatan-angkatan tentera pihak bersekutu yang menduduki Istanbul di waktu itu berundur di hadapan angkatan tenteranya, supaya beliau benar-benar dipandang sebagai pahlawan di mata rakyat Turki, iaitu seorang pahlawan yang telah berjaya menghapuskan sistem pemerintahan khalifah, menghapuskan penggunaan bahasa Arab, memencilkan Turki dari umat Muslimin, dan mengisytiharkan negara Turki sebagai negara sekular yang tidak ada hubungan dengan agama. Mereka terus-terang mengulangi tindakan mereka mewujudkan pahlawan-pahlawan palsu apabila mereka mahu menghancurkan Islam dan harakat-harakat Islam di dalam mana-mana negeri Islam dan menggantikannya dengan satu 'Asabiyah baru yang bukan 'Asabiyah agama dan dengan satu bendera baru yang bukan bendera Islam.

يُرِيدُونَ لِيُطۡفِـُٔواْ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفۡوَٰهِهِمۡ وَٱللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ۝٨

"Mereka mahu memadamkan nur (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang kafir."(8)

Ayat ini mengungkapkan satu hakikat dan senafas itu juga melukiskan satu gambaran yang sinis. Sebenarnya mulut mereka berkata: "Ini adalah suatu sihir yang nyata", dan di samping itu mereka melakukan berbagai-bagai tindakan yang jahat untuk menghapuskan agama yang baru itu. Ini adalah satu gambaran yang amat malang, yang berhempas pulas berusaha untuk memadamkan cahaya agama dengan tiupan angin dari mulut mereka, sedangkan mereka adalah makhluk-makhluk yang kerdil belaka.

وَٱللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ۝٨

"Tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang yang kafir."(8)

---

[3] *Kamal Atartuk – penterjemah.*

Allah telah menepati janji-Nya dan Dia telah menyempurnakan agama-Nya dalam masa hidup Rasulullah s.a.w. Allah telah menegakkan kelompok Muslimin itu sebagai satu imej yang hidup di alam kenyataan yang menggambarkan sistem agama Allah yang terpilih, iaitu satu gambaran yang lengkap dengan ciri-cirinya yang jelas dan batas-batasnya yang terang, yang dapat difaham oleh seluruh generasi manusia, bukan selaku satu teori di dalam buku-buku tetapi selaku hakikat di alam kenyataan. Allah telah menyempurnakan nur-Nya dengan menyempurnakan agama umat Muslimin dan menyempurnakan pengurniaan nikmat-Nya ke atas mereka. Allah telah merelakan Islam menjadi agama yang dicintai mereka, agama yang mereka sanggup berjuang untuk mempertahankannya. Setiap orang dari mereka rela dicampakkan ke dalam api dari kembali menjadi kafir. Dengan itu sempurnalah pertumbuhan hakikat agama di dalam hati dan di muka bumi. Dan hakikat ini terus membungkas dari satu masa ke satu masa dan terusan hidup dan bangkit berdiri walaupun Islam dan kaum Muslimin diperangi, ditipu daya, ditindas, diburu dan ditindak ganas dengan berbagai-bagai cara, kerana nur Allah tidak mungkin dipadamkan dengan mulut, dan tidak mungkin dihapuskan dengan kekuatan api dan besi di tangan manusia-manusia abdi, walaupun pemerintah-pemerintah yang ganas dan kejam dan pahlawan-pahlawan yang diwujudkan oleh pejuang-pejuang Salib dan kaum Yahudi itu merasa bahawa mereka telah berjaya mencapai matlamat mereka yang jauh itu.

Taqdir Allah telah menentukan bahawa agama ini pasti muncul mengatasi agama-agama yang lain, kerana itu ia pasti berlaku begitu:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

"Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar supaya Dia menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain walaupun dibencikan para Musyrikin."(9)

Dalam ayat ini Allah memberi pengakuan bahawa agama ini adalah suatu hidayat dan agama yang benar. Pengakuan ini merupakan pengakuan muktamad, merupakan kata pemutus yang tidak perlu kepada apa-apa tokok-tambah lagi. Iradat Allah telah sempurna, dan agama ini telah tegak dan muncul mengatasi seluruh agama yang lain. Ia tegak dan muncul sebagai satu agama yang tidak dapat digugat oleh mana-mana agama yang lain baik dari segi hakikatnya mahu pun dari segi tabi'atnya. Agama paganisme yang lain tidak mempunyai sesuatu nilai dalam bidang ini. Bagi agama-agama Kitabi (atau samawi) yang lain pula, maka agama Islam inilah yang menjadi penamatnya dan merupakan bentuk terakhir yang lengkap bagi agama-agama itu. Ia merupakan bentuk tertinggi yang sesuai hingga ke penghabisan zaman.

Agama-agama kitabi yang lain telah diubah, dikoyak-rabak dan ditokok-tambah dengan unsur-unsur yang asing darinya. Agama-agama itu telah dipotong dan dikurangi di sana sini dan akhirnya ia mempunyai bentuk yang tidak sedikit pun melayakkannya untuk memimpin kehidupan manusia. Dan hatta sekalipun agama-agama itu kekal tanpa dipinda, ditokok-tambah dan diubah, maka agama-agama itu merupakan satu naskhah lama yang tidak meliputi segala keperluan hidup manusia yang sentiasa berubah dan membaharu, kerana ia diturun mengikut perencanaan Allah untuk satu zaman yang terbatas sahaja.

Inilah pelaksanaan janji Allah dari segi tabi'at agama dan hakikatnya. Adapun pelaksanaan janji Allah di alam kenyataan, maka Allah telah pun menepati janji-Nya sekali. Agama ini telah pun muncul sebagai satu kekuatan, sebagai satu hakikat dan sebagai satu sistem pemerintahan yang mengatasi seluruh agama yang lain. Sebahagian terbesar dari negeri-negeri di dunia ini telah tunduk kepada pemerintahannya dalam masa satu abad sahaja kemudian secara damai ia mara ke tengah benua-benua Asia dan Afrika hingga begitu ramai telah memeluk agama ini dengan semata-mata da'wah, iaitu lima kali ganda lebih ramai dari jumlah manusia yang memeluk agama ini dalam masa gerakan-gerakan jihadnya yang pertama. Sehingga kini ia masih terus mengembang dengan sendiri tanpa dibantu oleh sebuah kerajaan pun sejak Pergerakan Zionisme Antarabangsa dan Pergerakan Salib Antarabangsa berjaya menghapuskan sistem khilafah yang terakhir di tangan pahlawan yang diwujudkan mereka. Agama ini terus berkembang walaupun ditentang dan ditindas berbagai-bagai negeri di dunia dan walaupun harakat-harakat Islamiyah yang bangkit dalam setiap negeri Islam itu dihancurkan oleh pahlawan-pahlawan yang diwujudkan oleh Pergerakan Zionisme Antarabangsa dan Pergerakan Salib Antarabangsa.

Agama ini masih terus mempunyai peranan-peranan di dalam sejarah manusia dan dengan izin Allah ia akan muncul mengatasi segala agama yang lain tepat seperti yang dijanjikan itu, iaitu satu janji yang tidak mungkin dihalangi oleh tenaga usaha manusia-manusia abdi yang kerdil biarpun bagaimana hebat kekuatan, tipu daya dan pengeliruan mereka.

Semua ayat-ayat ini memberi perangsang kepada para Mu'minin yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka supaya memikul amanah agama Allah setelah mereka dipilih Allah untuk tugas itu dan setelah amanah itu dikhianati oleh kaum Yahudi dan Kristian. Ayat-ayat ini juga dituju untuk meyakinkan hati mereka dalam usaha perjuangan melaksanakan taqdir Allah untuk menegakkan agama-Nya sebagaimana yang dikehendaki oleh-Nya. Mereka hanya tidak lebih dari alat belaka. Dan ayat-ayat ini akan terus

memberangsang dan meyakinkan hati para Mu'minin yang percaya kepada janji Allah, dan akan terus mencetuskan perasaan-perasaan yang seperti itu di dalam kalangan generasi-generasi yang akan datang, sehingga janji Allah terlaksana sekali lagi dengan izin-Nya di alam kenyataan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 13)

Allah Sifatkan Jihad Sebagai Perniagaan Yang Paling Menguntungkan Orang-orang Yang Beriman

Di bawah bayangan kisah 'aqidah dan dengan janji Allah untuk menegakkan agama-Nya yang terakhir ini, Al-Qur'an menyeru para Mu'minin yang ditujukan ayat-ayat berikut kepada mereka, juga menyeru para Mu'minin yang datang selepas mereka sehingga sampai kepada hari Qiamat. Al-Qur'an menyeru mereka kepada satu perniagaan yang paling beruntung di dunia dan di Akhirat, iaitu perniagaan beriman kepada Allah dan berjihad kerana agama Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾

تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةً فِى جَنَّٰتِ عَدْنٍ ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٢﴾

وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا ۖ نَصْرٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apakah kamu suka Aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari 'azab yang pedih?(10). Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda kamu dan jiwa raga kamu. Itulah yang lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui(11). Nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai dan menempatkan kamu di kediaman-kediaman yang selesa di dalam Syurga-syurga 'Adni. Itulah keberuntungan yang amat besar(12). Dan satu lagi kurnia yang disukai kamu, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat, dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin."(13)

Susunan pengungkapan ayat ini yang mengandungi keterangan-keterangan yang dipisah dan disambung, pertanyaan dan jawapan dan keterangan yang disebut dahulu dan disebut kemudian, adalah satu pengungkapan yang jelas bermaksud untuk menyematkan isi kandungan seruan ini di dalam hati manusia dengan segala saranan pengungkapan yang efektif.

Ayat ini dimulakan dengan seruan atas nama keimanan, **"Wahai orang-orang yang beriman"**, kemudian diiringi dengan pertanyaan yang menarik kerana Allah sendiri yang bertanya kepada mereka dan menggalakkan mereka menjawab: Apakah kamu suka aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari 'azab yang pedih? Siapakah yang tidak suka ditunjukkan Allah tentang perniagaan? Sampai di sini ayat ini pun berakhir dan kedua-dua penerangan yang menggalakkan itu terputus menunggu jawapan. Kemudian jawapan yang ditunggu-tunggu oleh hati dan telinga itu pun datang *"Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya."* Hati mereka pun riang mendengar sebahagian jawapan (yang menyebut sifat) yang ada pada mereka, **"Dan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda dan jiwa raga kamu."** Itulah maudhu' pokok yang dibicarakan oleh surah ini. Ia dikemukakan dengan uslub ini dan diulang-ulangkan begini dan ia diterangkan dengan ungkapan seperti ini. Allah mengetahui bahawa hati manusia memerlukan keterangan yang berulang-ulang dan beranekaragam dan sentuhan-sentuhan yang menarik seperti ini supaya mereka sanggup memikul tugas yang berat itu, dan ia juga perlu untuk menegakkan sistem hidup Ilahi ini dan mengawalkannya di muka bumi ini. Kemudian ia iringi penjelasan perniagaan itu dengan kenyataan memuji kebaikannya, *"Itulah yang lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui."* Oleh itu mengetahui hakikat yang sebenar akan membawa orang yang mengetahuinya kepada kebaikan yang amat diyakinkan itu. Kemudian ia menghuraikan kebaikan itu satu persatu dalam ayat berikutnya yang tersendiri, kerana huraian yang terperinci selepas keterangan yang ringkas ini membuat hati rindu kepada huraian itu dan membuat huraian itu tersemat kukuh di dalam perasaannya. **"Nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu."** Keampunan ini sahaja sudah cukup. Siapakah orang yang dijamin Allah mendapat keampunan dari dosa-dosanya, kemudian ia mengharapkan lagi sesuatu yang lain selepasnya? Atau hendak menyimpan sesuatu yang lain kerana keampunan itu? Tetapi limpah kurnia Allah itu tidak ada batasnya, malah Allah akan *"memasukkan kamu ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai dan menempatkan kamu di kediaman-kediaman yang selesa di dalam Syurga-syurga 'Adni. Itulah keberuntungan yang amat besar."*

Itulah satu perniagaan yang paling menguntungkan apabila seseorang Mu'min sanggup berjihad dalam hidupnya yang pendek di dunia ini - sekalipun dia kehilangan seluruh kehidupan ini - kemudian dia dibalaskan dengan taman-taman Syurga dan tempat-tempat kediaman yang amat selesa dalam satu kehidupan yang penuh nikmat yang abadi. Sebenarnya, **"Itulah keberuntungan yang amat besar."**

Seolah-olah kira-kira perniagaan yang amat menguntungkan itu berakhir di sini. Itulah keuntungan yang amat besar apabila orang Mu'min memberi dunia dan mengambil Akhirat. Peniaga yang berniaga dengan satu dirham dan mendapat keuntungan sepuluh dirham akan diiri hati oleh semua peniaga di pasar itu, bagaimana pula dengan peniaga yang berniaga beberapa hari di bumi dan hidup dengan kenikmatan yang amat terbatas di dalam kehidupan dunia, kemudian dia mendapat keuntungan dengan kehidupan yang kekal abadi yang tiada diketahui hujung sutnya melainkan mengikut iradat Allah, iaitu satu kenikmatan yang tak kunjung putus dan tak pernah tersekat dan terlarang!

Satu mubaya'ah telah diadakan di antara Rasulullah s.a.w. dan Abdullah ibn Rawahah r.a. di malam al-'Aqabah, Abdullah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Terangkan syarat-syarat yang anda kehendaki untuk Tuhan anda dan untuk diri anda." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Aku memberi syarat untuk Tuhanku ialah kamu beribadat kepada-Nya sahaja dan jangan sekali-kali kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa, dan aku memberi syarat untuk diriku pula ialah kamu mempertahankan diriku sebagaimana kamu memper-tahankan diri kamu dan harta benda kamu." Lalu Abdullah bertanya: "Apakah balasan untuk kami jika kami laksanakan semuanya itu?" Jawab beliau: "Syurga." Lalu mereka berkata: "Alangkah untungnya, urusniaga ini dan kami tidak akan membatalkannya dan tidak akan menuntut dibatalkannya."

Tetapi limpah kurnia Allah itu amat besar. Dia mengetahui mereka menginginі suatu limpah kurnia Allah yang dekat di bumi ini yang sesuai dengan tabi'at manusia yang terbatas, lalu Allah memperkenankan kehendak mereka dan menyampaikan kepada mereka berita gembira yang telah ditetapkan dalam ilmu-Nya yang tersembunyi iaitu berita kemenangan agama ini di bumi, berita terlaksananya sistem Ilahi ini menguasai seluruh bidang hidup generasi mereka:

وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا ۖ نَصْرٌ مِّنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ ۗ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

"Dan satu lagi kurnia yang disukai kamu iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat, dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin."(13)

Di sini perniagaan itu telah mencapai kemuncak keuntungan yang tidak mungkin dikurniakan melainkan oleh Allah yang tak pernah kering khazanah-Nya dan tak pernah menahan limpah rahmat-Nya, iaitu pengurniaan keampunan, taman-taman Syurga, kediaman-kediaman yang selesa dan nikmat yang kekal abadi di Akhirat dan di samping mendapat keuntungan yang amat besar itu ialah pengurniaan pertolongan dan kemenangan yang dekat. Siapakah orangnya setelah Allah tunjukkan kepadanya satu perniagaan yang amat menguntungkan, tiba-tiba dia berpatah ke belakang dan menyimpang darinya?

Ketika berdepan dengan galakan dan pemberangsangan ini, tercetuslah di dalam hati satu pandangan iaitu seorang Mu'min yang memahami hakikat persepsi keimanan terhadap alam buana dan hayat, kemudian dia menghayati persepsi itu dengan sepenuh hatinya sambil melihat dan meninjau ufuk-ufuknya yang jauh, kemudian dia meneliti pula kehidupan tanpa iman, dalam batasnya yang sempit dan kecil, dan dalam tahap-tahapnya yang rendah dan dengan minat-minatnya yang kerdil dan remeh, sudah tentu hati seperti ini tidak berupaya hidup barang sedikitpun tanpa keimanan dan tidak akan teragak-agak untuk turun ke medan jihad demi menegakkan persepsi yang agung, luas dan luhur itu di alam kenyataan supaya dia dapat hidup di dalamnya dan dapat melihat orang lain juga hidup bersama-sama dengannya. Orang ini mungkin tidak akan meminta sesuatu upah yang luar dari jihad itu sendiri, kerana jihad itu sendiri merupakan pahala yang melimpahkan kepuasan dan kegirangan di dalam hati. Kemudian orang ini tidak akan berupaya untuk hidup di sebuah alam tanpa iman, tidak sanggup untuk berhenti berjihad demi membangunkan sebuah alam yang dipenuhi keimanan, malah dia akan terus mara berjihad biarpun bagaimana nasib yang akan diterimanya.

Tetapi Allah S.W.T. mengetahui bahawa jiwa manusia dilanda kelemahan, semangatnya yang berkobar-kobar menurun dan daya tenaganya patah dan penat. Kecintaan kepada keselamatan hidup kadang-kadang menurunkan seluruh perasaan itu dan mendorong mereka berpuas hati dengan realiti hidup yang rendah.

Justeru itu Al-Qur'an bersungguh-sungguh menanamkan semangat jihad itu di dalam jiwa manusia dan berulang-ulang kali menyeru mereka dengan berbagai-bagai saranan dan perangsang dalam bermacam-macam kesempatan. Al-Qur'an tidak hanya berpada dengan menyeru mereka kepada keimanan semata-mata dan tidak pula berpada dengan membuat satu seruan sahaja atas nama keimanan itu.

Di sini Al-Qur'an menamatkan surah ini dengan satu seruan yang baru yang membawa ciri yang baru, galakan yang baru dan saranan yang baru:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا أَنصَارَ اللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ لِلْحَوَارِيِّينَ مَنْ أَنصَارِي إِلَى اللَّهِ ۖ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ اللَّهِ ۖ فَآمَنَت طَّائِفَةٌ مِّن بَنِي إِسْرَائِيلَ وَكَفَرَت طَّائِفَةٌ ۖ فَأَيَّدْنَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا ظَاهِرِينَ ﴿١٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu para penyokong Allah sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya: Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah? Jawab sahabat-sahabat setia itu: Kamilah para penyokong Allah. Lalu berimanlah segolongan dari Bani Israel dan segolongan yang lain pula menjadi kafir. Lalu kami bantukan orang-orang yang beriman itu mengalahkan musuh mereka dan mereka telah mendapat kemenangan."(14)

Sahabat-sahabat setia atau Hawariyun ialah murid-murid 'Isa al-Masih a.s. - mereka - menurut satu pendapat - terdiri dari dua belas orang yang sentiasa bersama dengannya dan menumpukan seluruh hidup mereka untuk menerima pengajaran-pengajaran darinya. Merekalah yang berjuang selepas beliau diangkatkan Allah ke langit menyebarkan ajaran-ajaran dan wasiat-wasiatnya.

Tujuan ayat ini ialah untuk menggambarkan satu pendirian bukannya untuk memperincikan sebuah kisah, kerana itu kami tumpukan ulasan kami di sini kepada tujuan disebutkan kisah itu di tempat ini dalam surah ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوٓا۟ أَنصَارَ ٱللَّهِ

"Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu para penyokong Allah"(14)

di tempat yang mulia ini, di mana kamu telah diangkatkan Allah kepadanya. Apakah di sana ada lagi satu tempat yang lebih tinggi dari tempat seorang hamba yang menyerahkan dirinya menjadi penyokong Allah? Sifat penyokong Allah merupakan satu sifat yang membawa penghormatan yang lebih besar dari Syurga dan nikmat yang limpah. Jadilah kamu para penyokong Allah, sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya, *"Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah?"* Jawab sahabat-sahabat setia itu, *"Kamilah para penyokong Allah."* Mereka telah memberi kesanggupan untuk memikul tugas itu dan telah memperolehi penghormatan mendapat gelaran para penyokong Allah. Nabi 'Isa a.s. adalah datang untuk menyampaikan berita gembira mengenai kedatangan seorang Nabi yang baru dan agama yang baru. Oleh itu, alangkah lebih wajarnya bagi pengikut-pengikut Nabi Muhammad s.a.w. memberi kesanggupan untuk memikul tugas yang berkekalan ini sebagaimana sahabat-sahabat setia 'Isa a.s. telah memberi kesanggupan untuk memikul tugas itu yang hanya bersifat sementara sahaja kepada mereka. Inilah maksud yang jelas dari menyebut kisah soal jawab itu di dalam ayat ini.

Bagaimana akibatnya?

فَـَٔامَنَت طَّآئِفَةٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَكَفَرَت طَّآئِفَةٌ ۖ فَأَيَّدْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا۟ ظَٰهِرِينَ ﴿١٤﴾

"Lalu berimanlah segolongan dari Bani Israel dan segolongan yang lain pula menjadi kafir. Lalu kami bantukan orang-orang yang beriman itu mengalahkan musuh mereka dan mereka telah mendapat kemenangan."(14)

Pentafsiran maksud dari ayat ini bolehlah dibawa kepada dua pengertian, iaitu sama ada ayat ini bermaksud menyatakan bahawa orang-orang yang beriman dengan kerasulan 'Isa ialah seluruh orang-orang Kristian termasuk mereka yang berpegang dengan 'aqidah yang betul dan mereka yang berpegang dengan 'aqidah yang telah bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan yang sesat, kerana mereka telah dibantu oleh Allah mengalahkan orang-orang Yahudi yang sama sekali tidak beriman kepada kerasulan 'Isa, sebagaimana telah berlaku di dalam sejarah, atau ayat ini bermaksud menyatakan bahawa orang-orang yang beriman itu ialah golongan yang berpegang teguh dengan kepercayaan tauhid yang menentang golongan yang bertuhankan 'Isa dan golongan yang berpegang dengan 'aqidah triniti ('aqidah tiga komponen) dan seluruh golongan agama yang menyeleweng dari 'aqidah tauhid. Maksud ayat, *"Dan mereka telah mendapat kemenangan"* ialah mereka telah mendapat kemenangan dengan kekuatan hujah-hujah dan alasan-alasan yang kukuh, atau 'aqidah tauhid yang dipegang oleh mereka itulah yang diberi kemenangan oleh Allah dengan agama yang terakhir ini dan kepadanya diserahkan pusingan terakhir di bumi ini sebagaimana telah berlaku di dalam sejarah. Pengertian yang akhir ini lebih hampir dan lebih kuat kemungkinannya di dalam ayat ini.

Contoh teladan yang dapat diambil dari kisah ini dan dari seruan ini ialah contoh teladan yang telah kami terangkan tadi iaitu membangkitkan semangat para Mu'minin untuk memperjuangkan agama yang akhir ini, kerana merekalah pemegang-pemegang amanah agama Allah di muka bumi ini. Merekalah pewaris 'aqidah dan agama Ilahiyah yang dipilih untuk memikul tugas Yang Maha Agung ini atau membangkitkan semangat mereka untuk membantu Allah dan membantu agama-Nya sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya: *"Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah?"* Jawab sahabat-sahabat setia itu, *"Kamilah para penyokong Allah."* Dan kemenangan itu pada akhirnya dicapai oleh para penyokong Allah.

Itulah pusingan dan sentuhan terakhir dalam surah ini. Pusingan dan sentuhan ini mempunyai warna dan rasa yang sesuai dengan suasana surah dan penerangan-penerangannya yang mengandungi anekaragam warna dan rasa itu.

******